

# Perseteraan Iblis Terhadap Manusia: Surah *al-Baqarah* (2: 34-39)

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2018). "Perseteraan Iblis Terhadap Manusia: Surah *al-Baqarah* (2: 34-39)" in *Program Budaya al-Quran* pada 16hb. November 2018 di Kolej Tun Fatimah, UTM. Program anjuran Pusat Islam, UTM, p. 1-23.

## Abstract

Ternyata musuh terbesar manusia adalah datang daripada Iblis yang pada asalnya adalah golongan yang dekat dengan Tuhan, namun akhirnya mereka menjadi kafir, ingkar, dan menjadi seteru kepada umat manusia. Artikel ini cuba menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 34-39) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat banyak pengajaran yang boleh diambil oleh umat manusia daripada segi mengutamakan perintah Allah SWT berbanding aspek lain; Allah SWT berkuasa memuliakan sesiapa yang dikehendaki; bongkak, takbur, dan dengki adalah sifat kebinasaan; menghormati seseorang yang diberikan penghormatan oleh Allah SWT; Adam AS merupakan Nabi dan Rasul; cara bertaubat terhadap dosa; utusan dan kitab sebagai pertunjuk kepada umat manusia; dan pengajaran lain daripada tafsiran ayat. Kata kunci: Perintah Allah, kekuasaan Allah, Iblis, bongkak, takbur, dengki, sifat hormat, Adam AS, nabi, rasul, kitab, taubat.

## References

- Al-Ajurriyy, Muhammad. 1999. *Al-Shari'ah*. 'Abdullah bin 'Umar bin Sulayman Al-Damiji (Ed.). Al-Riyad: Dar al-Watan.
- Al-Asbahani, 'Abdullah. 1988. *Al-'Azamah*. Ridallah bin Muhammad Idris Al-Mabarkafuri (Ed.). Jld. 1-5. Riyad: Dar al-'Asamah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 1986. *Al-Bi'th wa al-Nushur li al-Bayhaqi*. 'Amir Ahmad Haydar (Ed.). Jld. 1. Beirut: Markaz al-Khidmat wa al-Abhath al-Thaqafiyah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2003. *Sha'b al-Iman*. 'Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid (Ed.). Jld. 1-14. Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Bazzar, Ahmad. 2009. *Musnad al-Bazzar*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq (Ed.). Jld. 1-18. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Darimi, Abu Muhammad Abdullah. 1995. *Al-Radd 'ala al-Juhaymah*. Badr bin 'Abdullah al-Badr (Ed.). Jld. 1. Al-Kuwayt: Dar Ibn al-Athir.
- Al-Firyabi, Abu Bakr Ja'far. 1997. *Kitab al-Qadr*. 'Abdullah Hamd al-Mansur (Ed.). Al-Sa'udiyah: Adwa' al-Salaf.
- Al-Hakim, Abu 'Abdullah Muhammad. 1990. *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn li al-Hakim*. Mustafa 'Abd al-Qadir Al-'Ata (Ed.). Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Marwazi, Muhammad. 1986. *Ta'zim Qadr al-Solah*. 'Abd Al-Rahman 'Abd Al-Jabbar Al-Fariwa'i (Ed.). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabat al-Dar.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. 1998. *Riyad al-Salihin*. Shu'aib Al-Arna'ut (Ed.). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Shashi, Abu Sa'id al-Haytham. 1989. *Al-Musnad li al-Shashi*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah (Ed.). Jld. 1-2. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1984. *Musnad al-Shamayyin*. Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-4. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1995. *Al-Mu'jam al-Ausat*. 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad (Ed.). Jld. 1-10. Al-Qahirah: Dar al-Harmain.

- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi 'Asim, Abu Bakr. 1991. *Al-Ahad wa al-Mathani*. Basam Faysal Ahmad al-Jawabirah (Ed.). Jld. 1-6. Al-Riyad: Dar al-Rayat.
- Ibn Abi al-Dunya, 'Abdullah. 1996. *Al-'Uqubat*. Muhammad Khair Ramadan Yusuf (Ed.). Jld. 1. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn al-Sawaf, Muhammad. 2004. *Al-Thani min Ajza' Ibn al-Sawaf*. T.T.P: Barnamij Jawami' al-Kalam al-Majani al-Tabi'i li Mawqi' al-Sibkah al-Islamiyah.
- Ibn Hibban, Muhammad. 1998. *Al-Ihsan fi Taqrib Sahih ibn Hibban*. Shu'aib Al-Arna'ut (Ed.). Jld. 1-18. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Keutamaan Adam dan Zuriatnya Sebagai Khalifah: Al-Baqarah (2: 30-33)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran. 27hb. September 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Perseteruan Iblis Terhadap Manusia: Al-Baqarah (2: 34-39)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 25hb. September 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

## Perseteruan Iblis Terhadap Manusia: *Al-Baqarah* (2: 34-39)\*

Kamarul Azmi Jasmi  
Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

### Abstrak

Ternyata musuh terbesar manusia adalah datang daripada Iblis yang pada asalnya adalah golongan yang dekat dengan Tuhan, namun akhirnya mereka menjadi kafir, ingkar, dan menjadi seteru kepada umat manusia. Artikel ini cuba menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 34-39) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat banyak pengajaran yang boleh diambil oleh umat manusia daripada segi mengutamakan perintah Allah SWT berbanding aspek lain; Allah SWT berkuasa memuliakan sesiapa yang dikehendaki; bongkak, takbur, dan dengki adalah sifat kebinasaan; menghormati seseorang yang diberikan penghormatan oleh Allah SWT; Adam AS merupakan Nabi dan Rasul; cara bertaubat terhadap dosa; utusan dan kitab sebagai pertunjuk kepada umat manusia; dan pengajaran lain daripada tafsiran ayat.

Kata kunci: Perintah Allah, kekuasaan Allah, Iblis, bongkak, takbur, dengki, sifat hormat, Adam AS, nabi, rasul, kitab, taubat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ  
﴿٣٤﴾ وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا  
هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٣٥﴾ فَأَزَلَّهُمَا الشَّيْطَانُ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا فِيهِ وَقُلْنَا  
أهْبِطُوا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَاعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٣٦﴾ فَتَلَقَّى آدَمُ مِنْ  
رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿٣٧﴾ قُلْنَا اهْبِطُوا مِنْهَا جَمِيعًا فَإِمَّا  
يَأْتِيَنَّكُمْ مِّنِّي هُدًى فَمَنْ تَبِعَ هُدَايَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٣٨﴾ وَالَّذِينَ  
كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٣٩﴾

Maksud: Dan (ingatlah) ketika kami berfirman kepada malaikat, “Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam.” Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis; ia enggan dan takbur, dan menjadilah ia dari golongan yang kafir. (34). Dan kami berfirman, “Wahai Adam! Tinggalah engkau dan isterimu dalam syurga, dan makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai, dan janganlah kamu hampiri pokok ini; (jika kamu

\* Artikel ini dibincangkan dalam Ceramah Program Budaya al-Quran Mingguan di Kolej Tun Fatimah, UTM pada 16hb. November 2018 anjuran Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.

menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari golongan orang yang zalim.” (35). Setelah itu maka Syaitan menggelincirkan mereka berdua dari syurga itu dan menyebabkan mereka dikeluarkan dari nikmat yang mereka berada di dalamnya dan Kami berfirman, “Turunlah kamu! Sebahagian dari kamu menjadi musuh kepada sebahagian yang lain dan bagi kamu semua disediakan tempat kediaman di bumi, serta mendapat kesenangan hingga ke suatu masa (mati).” (36). Kemudian Nabi Adam menerima dari Tuhannya beberapa kalimah (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya), lalu Allah SWT menerima taubatnya; sesungguhnya Allah, Dia lah yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani. (37). Kami berfirman lagi, “Turunlah kamu semuanya dari syurga itu! Kemudian jika datang kepada kamu petunjuk dari-Ku (melalui Rasul dan Kitab yang diturunkan kepada mereka), maka sesiapa yang mengikuti petunjuk-Ku itu nescaya tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.” (38). Dan orang kafir yang mendustakan ayat keterangan kami, mereka itu ialah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. (39).

(Surah *al-Baqarah*, 2: 34-39)

## PENGENALAN

Kisah perintah sujud untuk tujuan hormat dalam kalangan malaikat dan Iblis dalam ayat ini (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018b) merupakan kesinambungan kisah dalam ayat yang lalu, iaitu *al-Baqarah* [2: 30-33] (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018a). Sebagai ingatan bahawa segala terjemahan al-Quran dalam artikel akan menggunakan terjemahan Abdullah Basmeih (1999).

## TAFSIRAN AYAT

Tafsiran ayat akan dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu *al-Baqarah* (2: 34), *al-Baqarah* (2: 35-36), *al-Baqarah* (2: 37), dan *al-Baqarah* (2: 38-39).

### Tafsiran *al-Baqarah* (2: 34)

Allah SWT menjelaskan perintahnya kepada para Malaikat serta Iblis untuk sujud kepada Adam AS sebagai tanda hormat. Firman-Nya:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ ﴿٣٤﴾

Maksud: *Dan (ingatlah) ketika kami berfirman kepada malaikat, “Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam”. Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis; ia enggan dan takbur, dan menjadilah ia dari golongan yang kafir. (34).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 34)

Hal ini menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/227) merupakan penghormatan yang besar dari Allah SWT buat Adam dan dapat dilimpahkan kepada keturunannya, iaitu ketika Allah SWT memberitahukan bahawa Dia memerintahkan kepada para malaikat untuk bersujud menghormati Adam. Kenyataan ini diperkuat pula oleh banyak hadis yang menunjukkan bahawa hal tersebut benar-benar terjadi. Antara lain ialah hadis mengenai syafaat yang disebutkan ketika mengisahkan Nabi Musa AS, iaitu (Ibn Abi Hatim, 1998: 11/30):

"رَبِّ، أَرِنِي آدَمَ الَّذِي أَخْرَجْنَا وَنَفْسَهُ مِنَ الْجَنَّةِ"، فَلَمَّا اجْتَمَعَ بِهِ قَالَ: "أَنْتَ آدَمُ الَّذِي خَلَقَهُ اللَّهُ بِيَدِهِ، وَنَفَخَ فِيهِ مِنْ رُوحِهِ وَأَسْجَدَ لَهُ مَلَائِكَتُهُ."

Maksud: *Wahai Tuhanku, perlihatkanlah kepadaku Adam yang mengeluarkan diri kami dan dirinya sendiri dari syurga. Ketika Musa bersua dengannya, Musa berkata, "Engkaukah Adam yang diciptakan oleh Allah SWT dengan tangan kekuasaan-Nya dan Dia meniupkan sebahagian dari roh-Nya kepadamu dan memerintahkan kepada para malaikal-Nya untuk bersujud kepadamu?"*

(Ibn Abi Hatim)

Imam Ibn Jarir (2001: 1/482) mengatakan bahawa Ibnu Abbas bercerita, "Pada awalnya Iblis itu merupakan suatu golongan dalam kalangan para malaikat, mereka dikenal dengan sebutan jin. Iblis diciptakan dari api yang sangat panas, iaitu jin yang berada antara para malaikat, nama aslinya adalah al-Haris. Pada mulanya ia ditugaskan sebagai salah seorang penjaga syurga. Berbeza dengan para malaikat yang semuanya diciptakan dari nur berbanding golongan Iblis tadi.

Ibn Abbas melanjutkan kisahnya dengan menyatakan bahawa jin yang disebut dalam al-Quran diciptakan dari nyala api, iaitu dari lidah api yang paling ujungnya ketika menyala. Sedangkan manusia diciptakan dari tanah liat. Makhluk yang mula-mula menghuni bumi adalah jin, lalu mereka membuat kerosakan, mengalirkan darah, dan sebahagian dari mereka membunuh sebahagian yang lain. Maka Allah SWT mengiriskan kepada mereka Iblis bersama sejumlah pasukan dari para malaikat. Mereka yang diutus melakukan tugas ini dalam kalangan makhluk yang dikenal dengan nama jin. Iblis bersama para pengikutnya dapat mengalahkan makhluk jin hingga berjaya untuk mengejar mereka sampai ke pulau di berbagai lautan dan ke puncak bukit. Setelah Iblis dapat melakukan tugas tersebut, akhirnya dia merasa tinggi diri, dan mengatakan, "Aku melakukan sesuatu hal yang belum pernah dilakukan oleh seorang pun." Allah SWT mengetahui hal itu yang tersimpan di sebalik hati Iblis, sedangkan para malaikat yang bersamanya tidak mengetahui hal itu.

Ketika Allah SWT ingin menciptakan Adam AS, Allah SWT memerintahkan malaikat agar dibawakan ke hadapan-Nya tanah liat untuk menciptakan Adam, kemudian tanah itu dibawakan ke hadapan-Nya. Maka Allah SWT menciptakan Adam dari tanah liat, iaitu tanah liat yang baik, berasal dari lumpur hitam yang diberi bentuk dan berbau tidak enak. Sesungguhnya pada mulanya dari tanah, kemudian menjadi tanah liat yang diberi bentuk. Allah SWT menciptakan Adam dari tanah liat itu dengan tangan-Nya sendiri. Adam didiamkan terbaring selama empat puluh malam berupa jasad, sedangkan Iblis selama itu selalu mendatangnya dan memukulnya dengan kaki, maka tubuh Adam mengeluarkan bunyi seperti suara tembikar yang dipukul. Hal inilah yang disebut dalam firman-Nya:

خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَالٍ كَالْفَخَّارِ ﴿١٤﴾

Maksud: *Ia menciptakan manusia (lembaga Adam) dari tanah liat kering seperti tembikar, (14)*

(Surah al-Rahman, 55: 14)

Iaitu berbentuk sesuatu yang berongga dan tidak berisi. Kemudian Iblis memasuki mulutnya dan keluar dari duburnya, lalu masuk dari dubur dan ke luar dari mulutnya. Selanjutnya Iblis mengatakan, "Kamu bukanlah sesuatu untuk dibunyikan dan kerana apakah kamu

diciptakan? Jika aku menguasaimu, nescaya aku dapat membinasakanmu dan seandainya kamu menguasaiaku, nescaya aku akan menentangmumu.”

Seterusnya, Allah SWT meniupkan ke dalam tubuhnya sebahagian dari roh hal ini dilakukan mulai dari bahagian kepalanya, maka tidak sekali-kali sesuatu dari tiupan itu mengalir dalam tubuhnya melainkan berubah menjadi daging dan darah. Ketika tiupan sampai pada bahagian pusat, maka Adam AS memandang ke arah tubuhnya dan ia merasa kagum dengan apa yang ia lihat pada tubuhnya. Lalu Adam cuba bangkit berdiri akan tetapi tidak mampu. Hal inilah yang dimaksud oleh firman-Nya:

وَكَانَ الْإِنْسَانُ عَجُولًا ﴿١١﴾

Maksud: *Dan sememangnya manusia itu (bertabiat) terburu-buru. (11)*

(Surah *al-Isra*, 17: 11)

Maksudnya terburu-buru, tidak mempunyai kesabaran dalam menghadapi kesukaran dan juga kedukaan. Setelah peniupan roh ke dalam tubuhnya selesai, maka Adam bersin, lalu mengucapkan:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾

Maksud: *Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. (2)*

(Surah *al-Fatihah*, 1: 2)

Ucapan ini adalah datangnya melalui ilham dari Allah SWT. Kata-kata Adam AS ini dijawab oleh Allah SWT:

يَرْحَمُكَ اللَّهُ يَا آدَمَ

Maksud: *Semoga Allah SWT mengasihani kamu, hai Adam.*

Kemudian Allah SWT berfirman kepada para malaikat yang bersama dengan Iblis tadi secara khusus, bukan seluruh malaikat yang berada di langit, “*Sujudlah kamu kepada Adam!*” Maka mereka semuanya sujud, kecuali Iblis. Iblis membangkang dan merasa takbur kerana dalam dirinya terbit sifat takbur dan tinggi diri. Iblis berkata, “Aku tidak mahu sujud kerana aku lebih baik daripada dia dan lebih tua serta asalku lebih kuat. Engkau menciptakan aku dari api, sedangkan dia Engkau ciptakan dari tanah liat. Sesungguhnya api lebih kuat daripada tanah liat.” Setelah Iblis menolak sujud kepada Adam AS, maka Allah SWT menjauhkannya dari seluruh kebaikan dan menjadikannya syaitan yang terkutuk sebagai hukuman atas kedurhakaannya.

Kisah sujud ini, menurut Imam al-Razi dan lain-lainnya boleh dibincangkan dengan persoalan, “Apakah yang diperintahkan sujud kepada Adam hanya khusus malaikat yang ada di bumi, atautah umum mencakup semua malaikat, baik yang ada di bumi maupun yang ada di langit? Kedua-dua pendapat Masing-masing dari kedua pendapat tersebut didukung oleh segolongan ulama yang menyetujui pendapatnya. Namun begitu, makna lahiriah ayat menunjukkan pengertian umum, kerana di dalamnya disebutkan:

فَسَجَدَ الْمَلَائِكَةُ كُلُّهُمْ أَجْمَعُونَ ﴿٣٠﴾ إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى أَنْ يَكُونَ مَعَ السَّاجِدِينَ ﴿٣١﴾

Maksud: (Setelah selesai kejadian Adam) maka sujudlah sekalian malaikat, semuanya sekali, - (30) Melainkan Iblis; ia enggan turut bersama mereka yang sujud. (31)

(Surah *al-Hijr*, 15: 30-31)

Alasan yang dikemukakan dalam pembahasan ini memperkuat pengertian yang menunjukkan makna umum (mencakup semua malaikat).

Kemudian Allah SWT mengajarkan kepada Adam nama seluruh benda, iaitu nama yang dikenal oleh manusia, misalnya manusia, binatang, bumi, dataran rendah, laut, gunung, keldai, serta lain-lainnya yang serupa dalam kalangan makhluk hidup dan selainnya. Kemudian Allah SWT mengemukakan nama tersebut kepada para malaikat yang tadinya bersama Iblis, iaitu mereka yang diciptakan dari api yang sangat panas, lalu Allah SWT berfirman sebagaimana cerita yang terdapat dalam ayat *al-Baqarah* (2: 31-33).

Ibn al-Kathir (1999: 1/230) menjelaskan bahawa ketika Allah SWT memerintahkan kepada para malaikat untuk sujud kepada Adam, maka Iblis dimasukkan ke dalam kisah ini kerana sekalipun Iblis bukan berasal dari unsur malaikat, tetapi ia dapat menyerupai mereka dan dapat melakukan hal yang dilakukan oleh para malaikat. Oleh kerana itu, Iblis dimasukkan ke dalam suruhan sujud sebagaimana juga para malaikat yang disuruh sujud. Namun, Iblis menerima celaan kerana menentang perintah Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ ۗ

Maksud: Mereka sujud melainkan iblis; ia adalah berasal dari golongan jin, lalu ia menderhaka terhadap perintah Tuhannya.

(Surah *al-Kahfi*, 18: 50)

Ibn al-Kathir (1999: 1/230) menceritakan bahawa Ibnu Abbas berkata, "Sebelum melakukan kederhakaan, pada mulanya Iblis itu termasuk golongan malaikat, dikenal dengan nama 'Azazil. Ia termasuk penduduk bumi, juga sebagai golongan malaikat yang sangat kuat ijtihadnya dan paling banyak ilmunya. kerana itulah hal tersebut mendorongnya bersikap takbur. Dia berasal dari suatu kabilah yang dikenal dengan nama makhluk jin." Hal ini sebagaimana hadis berikut (Al-Bayhaqi, 2003: 144):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: " كَانَ اسْمُ إِبْلِيسَ عَزَازِيلَ، وَكَانَ مِنْ أَشْرَافِ الْمَلَائِكَةِ مِنْ ذَوِي الْأَرْبَعَةِ الْأَجْنِحَةِ، ثُمَّ أَبْلَسَ بَعْدُ."

Maksud: Ibn 'Abbas RA berkata, "Adalah nama Iblis ialah Azazil. Dia merupakan yang paling mulia dalam kalangan para malaikat yang memiliki empat pasang sayap. Kemudian dia selepas itu menjadi Iblis.

(Al-Bayhaqi)

Sebagian ulama mengatakan bahawa sujud yang diperintahkan oleh Allah SWT adalah merupakan penghormatan dan salam serta memuliakan, seperti pengertian yang terdapat dalam firman Allah SWT:

وَرَفَعَ أَبَوَيْهِ عَلَى الْعَرْشِ وَخَرُّوا لَهُ سُجَّدًا وَقَالَ يَا أَبْتِ هَذَا تَأْوِيلُ رُؤْيَايَ مِنْ قَبْلُ  
 قَدْ جَعَلَهَا رَبِّي حَقًّا

Maksud: *Dan ia dudukkan kedua ibu bapanya (bersama-samanya) di atas kerusi kebesaran. Dan setelah itu mereka semuanya tunduk memberi hormat kepada Yusuf. Dan (pada saat itu) berkatalah Yusuf, "Wahai ayahku! Inilah dia tafsiran mimpiku dahulu. Sesungguhnya Allah telah menjadikan mimpiku itu benar.*

(Surah Yusuf, 12: 100)

Pada masa lalu hal ini memang diperbolehkan dalam kalangan umat terdahulu, tetapi dalam syariat Nabi Muhammad SAW, sujud penghormatan sudah dimansuhkan. Hal ini demikian sebagaimana yang diriwayatkan oleh Mu'az RA mengatakan (Al-Shashi, 1989: 1332):

قَدِمْتُ الشَّامَ فَرَأَيْتُهُمْ يَسْجُدُونَ لِأَسَاقِفَتِهِمْ وَعُلَمَائِهِمْ، فَأَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَحَقُّ  
 أَنْ يُسْجَدَ لَكَ، فَقَالَ: "أَلَا لَوْ كُنْتُ أَمْرًا بَشَرًا أَنْ يَسْجُدَ لِبَشَرٍ لَأَمَرْتُ الْمَرْأَةَ أَنْ  
 تَسْجُدَ لِزَوْجِهَا مِنْ عَظَمِ حَقِّهِ عَلَيْهَا."

Maksud: *Ketika aku tiba di negeri Syam, kulihat mereka sujud kepada paderi dan ulamanya. Maka engkau, wahai Rasulullah, adalah orang yang lebih berhak untuk disujudi. Lalu Rasul SAW bersabda, "Tidak, seandainya aku boleh memerintahkan seseorang untuk sujud kepada orang lain, nescaya aku perintahkan kepada wanita agar sujud kepada suaminya, kerana besarnya hak suami atas dirinya."*

(Al-Shashi)

Salah satu sebab Iblis dilaknat oleh Allah SWT kerana sifat takbur yang ada pada dirinya. Kenyataan ini dinyatakan oleh hadis berikut (Al-Tabrani, 1984: 745; Al-Bazzar, 2009: 1584; Ibn Hibban, 1998: 224; Ibn Abi 'Asim, 1991: 2821):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "أَلَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ أَحَدٌ فِي قَلْبِهِ  
 مِثْقَالُ حَبَّةٍ خَرْدَلٍ مِنْ كِبْرٍ."

Maksud: *'Abdullah bin Mas'ud berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Tidak dapat masuk syurga seseorang yang dalam hatinya terdapat sifat takbur sekalipun seberat biji sawi.*

(Al-Tabrani, Al-Bazzar, Ibn Hibban, dan Ibn Abi 'Asim)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/232) menjelaskan bahawa dalam hati Iblis terdapat sifat takbur, kekufuran, dan keingkaran yang mengakibatkan dirinya terusir dan dijauhkan dari rahmat Allah SWT dan dari sisi-Nya.

Sebahagian ahli i'rab mengertikan firman-Nya (وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ) dengan maksudnya, "Jadilah dia (iblis) termasuk golongan orang yang kafir kerana menolak untuk bersujud. Perihalnya sama dengan firman Allah SWT lainnya, iaitu:

## فَكَانَ مِنَ الْمَغْرِقِينَ ﴿٤٣﴾

Maksud: lalu menjadilah ia (anak yang derhaka itu) dari orang yang ditenggelamkan oleh taufan. (43)

(Surah Hud, 11: 43)

Yang merupakan sama kedudukan ini dengan firman Allah SWT yang bermaksud, “*menjadilah kamu dari golongan orang yang zalim*”. (Surah al-Baqarah, 2: 35)

Menurut Ibnu Faurak, bentuk lengkap dari ayat tersebut ialah bahawa Iblis itu menurut ilmu Allah SWT tergolong ke dalam orang yang kafir. Pendapat ini dinilai kuat oleh Al-Qurtubi. Ketika membahaskan pengetahuan Allah SWT pada masa akan datang sebagai tergolong dalam kalangan orang kafir, al-Qurtubi juga ada membahaskan tentang orang yang ditampakkan oleh Allah SWT beberapa karamah dan hal yang ajaib yang bertentangan dengan hukum alam melalui tangannya. Pada pandangan beliau bahawa hal ajaib yang berlaku tersebut bukan merupakan suatu bukti yang menunjukkan kewaliannya.” Al-Qurtubi memperkuatkan hujahnya dengan mengemukakan beberapa alasan,

*“Kami tidak dapat memastikan terhadap orang yang dapat melakukan hal yang bertentangan dengan hukum alam, bahawa dia dapat memenuhi keimanannya yang sempurna kepada Allah SWT. Bahkan, orang yang bersangkutan sendiri tidak dapat memastikan hal yang berlaku adalah datang daripada dirinya. Ringkasnya, pemilikan sifat kewalian tersebut masih belum dapat dipastikan hanya kerana dia mampu melakukan perkara tersebut.”*

Menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/232), ada sebahagian ulama yang menyimpulkan bahawa hal yang ajaib itu adakalanya juga boleh terhasil daripada orang yang bukan wali, bahkan keluar dari orang yang dianggap penderhaka, juga orang kafir. Sebagai dalilnya ialah sebuah hadis yang menyatakan perihal Ibn Sayyad yang mampu menjadi membesar hingga memenuhi jalan bila sedang marah, hingga Abdullah ibn ‘Umar memukulnya.

Juga banyak hadis yang menceritakan perihal Dajjal yang banyak melakukan hal yang ajaib. Antara lain dia memerintahkan kepada langit untuk menurunkan hujan, maka langit pun segera menurunkan hujan. Apabila ia memerintahkan kepada bumi untuk mengeluarkan tumbuh-tumbuhan, maka bumi pun segera mengeluarkan tumbuh-tumbuhan. Hal ajaib yang lainnya yang dapat dilakukan oleh Dajjal ialah perbendaharaan bumi sentiasa mengikutinya bagaikan ratu lebah yang dihurungi oleh lebah. Disebutkan juga bahawa Dajjal akan membunuh seorang pemuda, kemudian menghidupkannya kembali, dan banyak lagi perkara yang ajaib dilakukan oleh Dajjal untuk menipu manusia.

Al-Lais ibnu Sa’d pernah mengatakan, “Apabila kamu melihat seorang lelaki berjalan di atas air dan terbang di udara, maka janganlah kamu teperdaya sebelum kamu menimbangkannya dengan timbangan al-Quran dan sunah.” Hal ini bermaksud orang yang hidupnya menepati ajaran al-Quran dan sunah, maka dia boleh percayai dan sebaliknya.

### **Tafsiran al-Baqarah (2: 35-36)**

Perintah Allah SWT kepada para malaikat dan Iblis untuk tunduk hormat menggambarkan kehormatan yang dianugerahkan-Nya kepada Adam AS. Semua sujud kecuali iblis. Kemudian Allah SWT menempatkan Baginda Adam AS di dalam syurga pada bahagian mana yang diinginkan olehnya. Adam AS juga boleh memakan makanan yang dia sukai tanpa batas, memakan apa sahaja yang disukainya dengan melimpah-ruah, dan penuh dengan kenikmatan. Kisah ini sebagaimana digambarkan dalam firman-Nya:

وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا  
هَذِهِ الشَّجْرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٣٥﴾

Maksud: *Dan kami berfirman, "Wahai Adam! Tinggalah engkau dan isterimu dalam syurga, dan makanlah dari makanannya sepual-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai, dan janganlah kamu hampiri pokok ini; (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari golongan orang yang zalim". (35).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 35)

Berdasarkan firman Allah SWT ini menunjukkan bahawa Adam AS merupakan salah seorang Nabi dan Rasul daripada Rasul yang diutus. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan hadis berikut (Al-Tabrani, 1995: 4259):

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَرَأَيْتَ آدَمَ، أَنِّي كَانُ؟ قَالَ: «نَعَمْ، كَانَ نَبِيًّا  
رَسُولًا، كَلَّمَهُ اللَّهُ قُبُلًا، قَالَ لَهُ: ﴿يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ﴾.»

Maksud: *Abu Zar yang menceritakan hadis berikut: Aku bertanya, "Wahai Rasulullah, bagaimanakah menurutmu Adam, apakah dia seorang nabi?" Rasulullah SAW menjawab, "Ya, dia seorang Nabi lagi Rasul, Allah SWT berbicara dengannya secara terang-terangan, dan Allah SWT berfirman, "Diamilah oleh kamu dan isterimu di syurga ini."*

(Al-Tabrani)

Konteks ayat *al-Baqarah* (2: 35-36) menunjukkan bahawa Siti Hawa diciptakan sebelum Adam memasuki syurga, hal ini dijelaskan oleh Muhammad ibnu Ishaq dalam keterangannya bahawa ketika Allah SWT selesai dari urusan-Nya melaknati Iblis, lalu Allah SWT kembali kepada Adam yang Dia ajari semua nama itu, kemudian berfirman, "Hai Adam, sebutkanlah nama benda-benda itu," sampai dengan firman-Nya, "Sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui lagi Mahabijaksana" (Surah *al-Baqarah*, 2: 31-32). Setelah itu ditimpakan rasa mengantuk kepada Adam, Allah SWT mengambil salah satu dari tulang rusuk sebelah kirinya dan menampal tempatnya dengan daging, sedangkan Adam masih tetap dalam keadaan tidur, belum terbangun. Lalu Allah SWT menjadikan tulang rusuknyanya itu isterinya, iaitu Siti Hawa yang berupa seorang wanita yang sempurna agar Adam merasa tenang hidup dengannya.

Ketika tidur Adam AS dicabut kembali dan Adam terbangun, ia melihat Siti Hawa berada di sampingnya, lalu ia berkata, "Oh dagingku, darahku, dan isteriku." lalu Adam merasa tenang dan tenteram bersamanya. Setelah Allah SWT mengawinkannya dan menjadikan rasa tenang dan tenteram dalam diri Adam, maka Allah SWT berfirman kepadanya secara langsung:

وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ  
الشَّجْرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٣٥﴾

Maksud: *Dan kami berfirman, "Wahai Adam! Tinggalah engkau dan isterimu dalam syurga, dan makanlah dari makanannya sepual-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai, dan janganlah*

*kamu hampiri pokok ini; (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari golongan orang yang zalim". (35).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 35)

Menurut pendapat lain, penciptaan Siti Hawa terjadi sesudah Adam masuk syurga, seperti yang dikatakan oleh Ibn Abbas, Ibn Mas'ud serta dari sejumlah sahabat. Disebutkan, setelah Iblis diusir dari syurga dan Adam ditempatkan di dalam syurga, maka Adam berjalan di dalam syurga dengan perasaan kesepian kerana tiada teman hidup yang membuat dia merasa tenang dan tenteram dengannya. Kemudian Adam tidur sejenak. Setelah terbangun, ternyata di dekat kepalanya terdapat seorang wanita yang sedang duduk. Allah SWT yang menciptakannya dari tulang rusuk Adam. Lalu Adam bertanya kepadanya, "Siapakah kamu ini?" Hawa menjawab, "Seorang wanita." Adam bertanya, "Mengapa engkau diciptakan?" Hawa menjawab, "Agar kamu merasa tenang dan tenteram bersamaku." Para malaikat bertanya kepada Adam seraya menguji pengetahuan yang dicapai oleh Adam, "Siapakah namanya hai Adam?" Adam menjawab, "Dia bernama Hawa." Mereka bertanya lagi, "Mengapa dinamakan Hawa?" Adam menjawab, "Sesungguhnya dia dijadikan dari sesuatu yang hidup." Seterusnya Allah SWT berfirman sebagaimana firman-Nya dalam surah *al-Baqarah* (2: 35).

Adapun firman Allah SWT,

وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ

*Maksud: dan janganlah kamu hampiri pokok ini.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 35)

Merupakan sesuatu yang sengaja dijadikan-Nya sebagai ujian buat Adam AS. Para ulama berbeza pendapat mengenai jenis pohon ini. Pendapat mereka adalah seperti berikut:

- (1) Ibn Abbas: Pohon anggur.
- (2) Pendapat lain Ibn 'Abbas, Ibnu Mas'ud serta dari sejumlah sahabat: Pohon anggur atau pohon gandum. Wahab ibnu Munabbih bahawa pohon gandum tersebut digambarkan dengan satu biji daripadanya di dalam syurga sama dengan kedua peha sapi, lebih lembut daripada keju dan rasanya lebih manis daripada madu.
- (3) Abu Malik: Pohon kurma.
- (4) Mujahid Pohon tin.
- (5) Wahab ibnu Munabbih: Pohon yang ranting-rantingnya lebat sekali hingga sebahagian darinya bersatu dengan yang lain. Buah pohon tersebut dimakan oleh para malaikat kerana mereka ditakdirkan kekal. Pohon inilah yang dilarang Allah SWT dimakan oleh Adam dan isterinya.

Perbincangan tentang pohon itu disimpulkan oleh Ibn Jarir (2001: 1/556) adalah seperti berikut:

*Pendapat yang benar dalam hal ini ialah yang mengatakan bahawa sesungguhnya Allah SWT melarang Adam dan isterinya untuk memakan buah dari suatu pohon di dalam syurga, tetapi bukan seluruh pohon syurga, dan ternyata Adam dan isterinya memakan buah yang terlarang baginya itu. Kami tidak mengetahui jenis pohon apa yang terlarang bagi Adam itu secara tertentu, kerana Allah SWT tidak memberikan suatu dalil pun bagi hamba-Nya yang menunjukkan hal tersebut, baik dalam al-Quran maupun dalam sunah yang sah. Ada pula yang mengatakan bahawa pohon tersebut adalah pohon gandum, pendapat yang lain mengatakan pohon anggur,*

dan pendapat yang lainnya lagi mengatakan pohon tin. Memang mungkin saja salah satu diantaranya adalah benar, tetapi hal ini merupakan suatu ilmu yang tidak membawa manfaat bagi orang yang mengetahuinya, dan jika tidak mengetahuinya tidak akan membawa mudarat.

Pendapat ini yang dipersetujui oleh Imam Al-Razi (1999: 3/454), iaitu pendapat yang tidak menyebut secara khusus nama pohon yang terlarang itu, dan inilah pendapat yang paling benar.

Ayat seterusnya, Allah SWT berfirman,

فَأَزَلَّهُمَا الشَّيْطَانُ عَنْهَا

Maksud: Setelah itu maka Syaitan menggelincirkan mereka berdua dari syurga itu.

(Surah al-Baqarah, 2: 35)

Ayat ini boleh diinterpretasikan sebagai lalu keduanya dijauhkan oleh syaitan dari syurga. Boleh juga diertikan syaitan menggelincirkan keduanya disebabkan pohon tersebut. Pengertian ini sama dengan makna firman-Nya:

يُؤْفِكُ عَنْهُ مَنْ أُفِكَ

Maksud: Dipalingkan daripada (perselisihan) itu orang yang dipalingkan Allah (dengan sebab keikhlasannya mencari kebenaran). (9)

(Surah al-Dharyat, 51: 9)

Maksudnya, dipalingkan oleh sebab Rasul dan al-Quran orang yang dipalingkan. kerana itu, dalam ayat selanjutnya Allah SWT berfirman,

فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا فِيهِ

Maksud: Dan menyebabkan mereka dikeluarkan dari nikmat yang mereka berada di dalamnya.

(Surah al-Baqarah, 2: 35)

Ayat ini membawa maksud, semua kenikmatan, seperti pakaian, tempat tinggal yang luas, rezeki yang berlimpah, dan kehidupan yang enak.

Seterusnya Allah SWT berfirman,

وَقُلْنَا أَهْبَطُوا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَاعٌ إِلَىٰ حِينٍ

Maksud: Turunlah kamu! Sebahagian dari kamu menjadi musuh kepada sebahagian yang lain dan bagi kamu semua disediakan tempat kediaman di bumi, serta mendapat kesenangan hingga ke suatu masa (mati)". (36).

(Surah al-Baqarah, 2: 36)

Iaitu tempat tinggal, rezeki, dan ajal. Yang dimaksud dengan *ila hin* ialah waktu yang terbatas dan yang ditentukan, kemudian terjadilah kiamat.

Kisah Adam AS ketika melanggar perintah larangan memakan pohon ada digambarkan dalam hadis, iaitu (Al-Tabrani, 1984: 2668; Al-Asbahani, 1988: 5/1558, 1559; Al-Hakim, 1990: 3038; Al-Bayhaqi, 1986: 175):

عَنْ أَبِي بِنِ كَعْبٍ، أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ ﷺ قَالَ: "إِنَّ آدَمَ ﷺ كَانَ رَجُلًا طَوِيلًا، كَأَنَّهُ نَخْلَةٌ سَحُوقٌ كَثِيرٌ شَعْرِ الرَّأْسِ، فَلَمَّا وَقَعَ فِيهَا وَقَعَ بِهِ بَدَتْ لَهُ عَوْرَتُهُ، وَكَانَ لَا يَرَاهَا قَبْلَ ذَلِكَ، فَانْطَلَقَ هَارِبًا، فَأَخَذَتْ بِرَأْسِهِ شَجَرَةٌ مِنْ شَجَرِ الْجَنَّةِ، ... فَنَادَاهُ رَبُّهُ ﷻ: آدَمُ، تَفَرُّ مَنِّي؟ قَالَ: رَبِّ، إِنِّي اسْتَحْيَيْتُكَ "

Maksud: *Ubay ibnu Ka'b yang menceritakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda: "Sesungguhnya Allah SWT menciptakan Adam dalam bentuk seorang lelaki yang berperawakan sangat tinggi lagi berambut lebat, seakan-akan sama dengan pohon kurma yang rendang. Ketika berlaku padanya (dia memakan buah terlarang itu) maka kelihatan auratnya yang dia tidak pernah melihatnya. (Ketika Adam melihat aurat tubuhnya, maka) ia berlari dalam syurga dan rambutnya menyangkut pada sebuah pohon dalam syurga. Lalu Tuhan yang Maha Pemurah memanggilnya, "Hai Adam, apakah engkau lari dari-Ku?" Ketika Adam mendengar firman Allah SWT Yang Maha Pemurah, lalu ia berkata, "Wahai Tuhanku, aku tidak lari, tetapi aku merasa malu."*

(Al-Tabrani, al-Asbahani, al-Hakim, dan al-Bayhaqi)

Sedangkan tempoh Adam AS berada dalam syurga sehingga dikeluarkan daripada syurga digambarkan dalam satu riwayat athar berikut (Ibn al-Sawaf, 2004: 14):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: «مَا أُسْكِنَ آدَمُ الْجَنَّةَ إِلَّا مَا بَيْنَ صَلَاةِ الْعَصْرِ إِلَى غُرُوبِ الشَّمْسِ.»

Maksud: *Ibnu Abbas yang menceritakan, "Tidak sekali-kali Adam tinggal di dalam syurga melainkan hanya antara salat Asar sampai dengan tenggelamnya matahari."*

(Ibn al-Sawaf)

Satu athar yang menghuraikan maksud ini secara lebih lanjut ada menyatakan (Al-Marwazi, 1986: 506):

عَنِ الْحَسَنِ، قَالَ: «لَيْتَ آدَمُ فِي الْجَنَّةِ سَاعَةً مِنْ نَهَارٍ، تِلْكَ السَّاعَةُ ثَلَاثُونَ وَمِائَةٌ سَنَةً مِنَ أَيَّامِ الدُّنْيَا»

Maksud: *Al-Hasan berkata, "Adam tinggal di dalam syurga hanya selama sejam di siang hari. Satu jam tersebut sama lamanya dengan 130 tahun hari-hari dunia."*

(Al-Marwazi)

Kedudukan Nabi Adam AS ketika diturunkan pula digambarkan dalam athar berikut (Ibn Abi Hatim, 1998: 390):

قَالَ الرَّبِيعُ بْنُ أَنَسٍ: فَأُخْرِجَ آدَمُ مِنَ الْجَنَّةِ لِلسَّاعَةِ التَّاسِعَةِ أَوْ العَاشِرَةِ، فَأُخْرِجَ آدَمُ مَعَهُ  
عُصْنًا مِنْ شَجَرِ الْجَنَّةِ، عَلَى رَأْسِهِ تَأْجُ مِنْ شَجَرِ الْجَنَّةِ، وَهُوَ الإِكْلِيلُ مِنْ وَرَقِ الْجَنَّةِ.

*Maksud: Al-Rabi' ibnu Anas yang mengatakan bahawa Adam keluar dari syurga pada pukul sembilan atau pukul sepuluh; ketika keluar, Adam membawa serta sebuah tangkai pohon syurga, sedangkan di atas kepalanya memakai mahkota dari dedaunan syurga yang diuntai sedemikian rupa merupakan untai daun-daunan syurga.*

(Ibn Abi Hatim)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/237) menyatakan bahawa firman Allah SWT, “Turunlah kamu! Sebahagian dari kamu menjadi musuh kepada sebahagian yang lain.” (Surah al-Baqarah, 2: 38), Maka turunlah mereka, sedangkan Adam AS diturunkan di India dengan membawa Hajar Aswad dan segenggam dedaunan syurga, lalu ia menaburkannya di India, maka tumbuhlah pepohonan yang wangi baunya. Sesungguhnya asal mula wewangian dari India itu adalah dari segenggam dedaunan syurga yang ikut dibawa turun oleh Adam AS. Sesungguhnya Adam menggenggamnya hanya terdorong oleh rasa penyesalannya kerana ia dikeluarkan dari syurga.

Ibn Abbas yang menceritakan bahawa Adam diturunkan di Dahna, salah satu wilayah negeri India atau mungkin daerah yang terletak antara Mekah dan Taif. Selain Adam di India, Siti Hawa di Jeddah; dan Iblis di Dustamisan yang terletak beberapa batu dari kota Basrah, sedangkan ular diturunkan di Asbahan. Adam AS diturunkan pada Hari Jumaat sebagaimana hadis (Muslim, t.th.: 854):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "خَيْرُ يَوْمٍ طَلَعَتْ فِيهِ الشَّمْسُ يَوْمُ  
الْجُمُعَةِ، فِيهِ خُلِقَ آدَمُ، وَفِيهِ أُدْخِلَ الْجَنَّةَ، وَفِيهِ أُخْرِجَ مِنْهَا."

*Maksud: Az-Zuhri meriwayatkan dari Abd al-Rahman ibnu Hurmuz Al-A'raj, dari Abu Hurairah, bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda: Sebaik-baik hari yang terbit matahari padanya adalah hari Jumat. Pada hari Jumat Adam diciptakan, pada hari Jumat pula ia dimasukkan ke dalam syurga, dan pada hari Jumat pula ia dikeluarkan darinya.*

(Muslim)

Imam Al-Razi (1999: 3/456) mengatakan bahawa menurut sepengetahuannya dalam Surah al-Baqarah (2: 38) terkandung makna peringatan dan ancaman yang besar terhadap semua perbuatan maksiat bila ditinjau dari berbagai segi. Antara lain ialah bahawa orang yang menggambarkan kejadian yang dialami oleh Nabi Adam hingga ia dikeluarkan dari syurga hanya kerana melakukan kekeliruan yang kecil, nescaya ia sangat malu terhadap perbuatan maksiat.

### **Tafsiran al-Baqarah (2: 37)**

Rasa bersalah Adam AS terhadap pelanggaran perintah Allah SWT digambarkan oleh Allah SWT dengan baginda bertaubat dengan taubat yang diajarkan oleh Allah SWT kepadanya. Firman-Nya:

فَتَلَقَّى آدَمُ مِنْ رَبِّهِ ۖ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ ۗ

Maksud: *Kemudian Nabi Adam menerima dari Tuhannya beberapa kalimah (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya), lalu Allah SWT menerima taubatnya.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 37)

Menurut suatu pendapat apa yang dimaksudkan Adam AS menerima daripada Tuhan-Nya beberapa kalimah ialah kalimah taubat yang diajarkan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

قَالَ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٢٣﴾

Maksud: *Mereka berdua merayu, "Wahai Tuhan kami, kami menganiaya diri kami sendiri, dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami dari orang-orang yang rugi". (23)*

(Surah *al-A'raf*, 7: 23)

Termasuk daripada beberapa kalimah ialah janji Allah SWT untuk mengembalikan Adam AS ke syurga semula sekiranya Baginda AS bertaubat dan kembali kepada ketaatan kepada-Nya. Hal ini sebagaimana hadis berikut (Ibn Abi al-Dunya, 1996: 102):

عَنْ أَبِي بِنِ كَعْبٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "قَالَ آدَمُ ﷺ: أَرَأَيْتَ يَا رَبِّ إِن تَبْتُ وَرَجَعْتُ، أَعَائِدِي إِلَى الْجَنَّةِ؟ قَالَ: نَعَمْ. فَذَلِكَ قَوْلُهُ: ﴿فَتَلَقَى آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ﴾

Maksud: *telah menceritakan kepada kami Ali ibnul Husain ibnu Isykab, menceritakan kepada kami Ali ibnu Asim, dari Sa'id ibnu Abu Arubah, dari Qatadah, dari Al-Hasan, dari Ubay ibnu Ka'b, bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda: Adam a.s. berkata, "Wahai Tuhanku, bagaimanakah jika aku bertaubat dan kembali? Apakah Engkau akan mengembalikan diriku ke syurga?" Allah SWT menjawab, "Ya." Yang demikian itulah makna firman-Nya, "Kemudian Adam menerima beberapa kalimat dari Tuhannya."*

(Ibn Abi al-Dunya)

Imam Al-Razi (1999: 3/466) bahawa janji Allah SWT untuk mengembalikan Adam AS ke syurga sekiranya dia bertaubat dan kembali taat itulah yang dimaksudkan 'beberapa kalimat dalam ayat suarah *al-Baqarah* (2: 37). Bahkan termasuk daripada isi beberapa kalimah daripada Tuhan-Nya bahawa Baginda AS ditakdirkan untuk melakukan kesilapan tersebut (Al-Darimi, 1995: 277; Al-Firyabi, 1997: 121; Al-Ajurriyy, 1999: 322; Al-Asbahani, 1988: 5/1549):

عُبَيْدُ بْنُ عُمَيْرٍ قَالَ: "قَالَ آدَمُ: يَا رَبِّ أَرَأَيْتَ مَا أَتَيْتُهُ، ابْتَدَعْتُهُ أَنَا مِنْ قَبْلِ نَفْسِي، أَوْ شَيْءٍ قَدَّرْتَهُ عَلَيَّ قَبْلَ أَنْ تَخْلُقَنِي؟ قَالَ: لَا، بَلْ شَيْءٌ قَدَّرْتَهُ عَلَيْكَ قَبْلَ أَنْ أَخْلُقَكَ" قَالَ: فَذَلِكَ قَوْلُهُ عَزَّ وَجَلَّ: ﴿فَتَلَقَى آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ﴾ [البقرة: 37]

Maksud: *Ubayd bin Umair berkata, "Adam bertanya, "Wahai Tuhan! Adakah apa aku lakukannya (larangan) disebabkan aku yang lakukan sendiri atau sesuatu yang sudah ditetapkan kepada*

sebelum Engkau ciptakanku? Allah SWT berfirman, "Tidak! Bahkan itu adalah sesuatu yang Aku tetapkan kepadamu sebelum aku menciptakanmu. Ubayd berkata itulah yang dimaksudkan firman Allah SWT, Kemudian Nabi Adam menerima dari Tuhannya beberapa kalimat (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya)."

(Al-Darimi, al-Firyabi, al-Ajurriyy, dan al-Asbahani)

Selain itu, terdapat juga athar daripada Qatadah (Al-Bayhaqi, 2003: 6774) ada menyatakan secara lengkap Maksud beberapa kalimat, yaitu doa Adam AS:

عَنْ قَتَادَةَ، فِي قَوْلِهِ: ﴿فَتَلَقَى آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ﴾ [البقرة: 37]، قَالَ: "ذُكِرَ لَنَا أَنَّهُ قَالَ: يَا رَبِّ أَرَأَيْتَ إِنْ تَبْتُ وَأَصْلَحْتُ فَإِنِّي إِذَا أَرَجِعُكَ إِلَى الْجَنَّةِ قَالَ: اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ وَبِحَمْدِكَ، رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي إِنَّكَ خَيْرُ الْغَافِرِينَ، اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ وَبِحَمْدِكَ، رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَارْحَمْنِي، إِنَّكَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ وَبِحَمْدِكَ، رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَتُبْ عَلَيَّ، إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ"

Maksud: Qatadah menjelaskan maksud al-Quran, Kemudian Nabi Adam menerima dari Tuhannya beberapa kalimat (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya). Qatadah berkata, Disebutkan kepada kami bahawa Adam AS bertanya, "Wahai Tuhan! Adakah jika aku bertaubat dan melakukan kesolehan, maka aku benar-benar dikembalikan oleh-Mu ke syurga kembali. Lalu Adam AS berdoa:

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ وَبِحَمْدِكَ، رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي إِنَّكَ خَيْرُ الْغَافِرِينَ، اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ وَبِحَمْدِكَ، رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَارْحَمْنِي، إِنَّكَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ وَبِحَمْدِكَ، رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَتُبْ عَلَيَّ، إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ.

Erti: "Ya Allah, tidak ada Tuhan yang wajib disembah selain Engkau, Mahasuci Engkau dengan memuji kepada-Mu. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku menganiaya diriku sendiri, maka berilah ampun bagi diriku, sesungguhnya Engkau sebaik-baik penerima taubat. Ya Allah, tidak ada Tuhan yang wajib disembah selain Engkau, Mahasuci Engkau dengan memuji kepada-Mu. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku menganiaya diriku sendiri, maka rahmatilah diriku, sesungguhnya Engkau sebaik-baik pemberi rahmat. Ya Allah, tidak ada Tuhan yang wajib disembah selain Engkau, Mahasuci Engkau dengan memuji kepada-Mu, wahai Tuhanku, sesungguhnya aku menganiaya diriku sendiri, maka berilah ampunan kepadaku, sesungguhnya Engkau Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.

(Al-Bayhaqi)

Berdasarkan beberapa athar dan hadis yang dibincangkan bahawa dalil ini saling menghuraikan antara satu sama lain, iaitu Allah SWT menjelaskan bahawa penurunan Adam AS ke dunia adalah sesuatu yang sudah ditakdirkan untuknya, iaitu menjadikannya sebagai khalifah. Baginda AS pada hakikatnya tidak dipersalahkan terhadap pelanggaran kekhilafannya (Al-Darimi, 1995: 277; Al-Firyabi, 1997; Al-Ajurriyy, 1999; Al-Asbahani, 1988). Namun Baginda AS tetap juga diajarkan dengan cara bertaubat untuk Allah SWT menerima taubatnya sebagai satu cara Allah SWT mengajar-Nya dan zuraitya untuk beradab kepada-Nya dalam urusan takdir dan berdoa. Hal ini sekalipun takdir itu merupakan takdir untuk perlakuan yang berbentuk

kekhilafan. Bahkan Allah SWT mengajarkan baginda doa yang paling lengkap untuknya bertaubat agar menjadi contoh buat zuriatnya dan umat Muhammad SAW sehingga Allah SWT memetik doa tersebut dalam al-Quran (Surah *al-A'raf*, 7: 23) dan dijelaskan pula secara lengkap doa tersebut dalam hadis SAW (Al-Bayhaqi, 2003: 6774).

Pada bahagian akhir daripada tafsiran ayat ini Allah SWT berfirman:

إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿٣٧﴾

Maksud: *Sesungguhnya Allah, Dia lah yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani. (37).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 37)

Iaitu sesungguhnya Allah SWT menerima taubat orang yang bertaubat dan kembali kepada-Nya. Makna ayat ini sama dengan makna yang terdapat dalam firman-Nya:

أَلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ هُوَ يَقْبَلُ التَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِ

Maksud: *Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah Dia lah yang menerima taubat dari hamba-hambaNya.*

(Surah *al-Tawbah*, 9: 104)

Pengertian yang sama dalam ayat yang lain:

وَمَنْ يَعْمَلْ سُوءًا أَوْ يَظْلِمْ نَفْسَهُ ثُمَّ يَسْتَغْفِرِ اللَّهَ يَجِدِ اللَّهَ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١١٠﴾

Maksud: *Dan sesiapa yang melakukan kejahatan atau menganiaya dirinya sendiri (dengan melakukan maksiat) kemudian ia memohon ampun kepada Allah, nescaya ia akan mendapati Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (110)*

(Surah *al-Nisa*, 4: 110)

Juga terdapat dalam firman-Nya:

وَمَنْ تَابَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَإِنَّهُ يَتُوبُ إِلَى اللَّهِ مَتَابًا ﴿٧١﴾

Maksud: *Dan sesiapa yang bertaubat serta beramal soleh, maka sesungguhnya (dengan itu) ia bertaubat kepada Tuhannya dengan sebenar-benar taubat; (71)*

(Surah *al-Furqan*, 25: 71)

Semua ayat ini menunjukkan bahawa Allah SWT mengampuni semua dosa dan menerima taubat orang yang bertaubat. Demikianlah sebahagian dari kelembutan Allah SWT kepada makhluk-Nya dan kasih sayang-Nya kepada hamba-hamba-Nya; tidak ada Tuhan yang wajib disembah selain Dia Yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.

### Tafsiran *Al-Baqarah* (2: 38-39)

Setelah Allah SWT menerima taubat Adam AS dan isterinya Hawa AS, Dia berpesan kepada baginda dan zuriatnya dengan firman-Nya:

قُلْنَا أَهْبُطُوا مِنْهَا جَمِيعًا فَمَا يَأْتِيَنَّكُمْ مِنِّي هُدًى فَمَنْ تَبِعَ هُدَايَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ  
وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٣٨﴾

Maksud: Kami berfirman lagi, "Turunlah kamu semuanya dari syurga itu! Kemudian jika datang kepada kamu petunjuk dari-Ku (melalui Rasul dan Kitab yang diturunkan kepada mereka), maka sesiapa yang mengikuti petunjuk-Ku itu nescaya tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita". (38).

(Surah *al-Baqarah*, 2: 38)

Ayat ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/237) menunjukkan bahawa Allah SWT menceritakan tentang peringatan yang ditujukan kepada Adam dan isterinya serta Iblis ketika mereka diturunkan dari syurga. Termasuk dalam peringatan ini ialah anak cucu Adam AS, bahawa Allah SWT kelak akan menurunkan kitab, mengutus nabi serta rasul dalam kalangan mereka yang akan memberi peringatan kepada kaum mereka masing-masing. Semua orang yang mahu menerima apa yang diturunkan oleh Allah SWT melalui kitab-Nya dan apa yang disampaikan oleh rasul-Nya, maka mereka tidak perlu bimbang tentang nasib dan kesudahan mereka pada hari akhirat nanti. Bahkan mereka tidak perlu bersedih hati terhadap perkara duniawi yang dilalui oleh mereka. Pengertiannya sama dengan makna yang terkandung dalam firman lainnya, iaitu:

قَالَ أَهْبِطُوا مِنْهَا جَمِيعًا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ فَمَا يَأْتِيَنَّكُمْ مِنِّي هُدًى فَمَنْ اتَّبَعَ  
هُدَايَ فَلَا يَضِلُّ وَلَا يَشْقَى ﴿١٢٣﴾

Maksud: Allah berfirman: "Turunlah kamu berdua dari Syurga itu, bersama-sama, dalam keadaan setengah kamu menjadi musuh bagi setengahnya yang lain; kemudian jika datang kepada kamu petunjuk dariKu, maka sesiapa yang mengikut petunjukKu itu nescaya ia tidak akan sesat dan ia pula tidak akan menderita azab sengsara. (123)

(Surah *Taha*, 20: 123)

Menurut Ibnu Abbas r.a., makna yang dimaksudkan dalam ayat ini bahawa seseorang itu tidak akan sesat di dunia dan tidak celaka di akhirat. Allah SWT berfirman:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَعْمَى ﴿١٢٤﴾

Maksud: Allah mengetahui apa yang di hadapan mereka (dari hal dunia), dan apa yang di belakang mereka (dari perkara akhirat); sedang mereka tidak mengetahuinya secara meliputi. (110)

(Surah *Taha*, 20: 124)

Sebaliknya pula, bagi mereka yang ingkar Allah SWT menjelaskan kedudukan mereka pula adalah sebaliknya akan berlaku. Kenyataan ini sebagaimana firman-Nya pada ayat tafsiran yang seterusnya melalui firman-Nya:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٣٩﴾

Maksud: *Dan orang kafir yang mendustakan ayat keterangan kami, mereka itu ialah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. (39).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 39)

Ayat ini membawa maksud bahawa mereka, iaitu orang yang kafir itu kekal di dalamnya, tiada jalan keluar bagi mereka dari neraka kerana mereka menjadi penghuni yang abadi.

Imam Ibn Jarir (2001: 1/592) dalam menghuraikan ayat surah *al-Baqarah* (2: 39) menyetengahkan sebuah hadis (Muslim, t.th.: 185):

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "أَمَّا أَهْلُ النَّارِ الَّذِينَ هُمْ أَهْلُهَا فَإِنَّهُمْ لَا يَمُوتُونَ فِيهَا وَلَا يَحْيَوْنَ، لَكِنَّ أَقْوَامًا أَصَابَتْهُمْ النَّارُ بِمُحْطَايَاهُمْ، أَوْ بِذُنُوبِهِمْ فَأَمَاتَتْهُمْ إِمَاتَةً، حَتَّى إِذَا صَارُوا فَحْمًا أُذِنَ فِي الشَّفَاعَةِ"

Maksud: *Abu Sa' id al-Khudri RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Adapun ahli neraka yang menjadi penghuni tetapnya, maka mereka tidak pernah mati di dalamnya, tidak pula hidup (kerana mereka selamanya di azab terus-menerus). Tetapi ada beberapa kaum yang dimasukkan ke dalam neraka kerana dosa mereka, maka mereka benar-benar mengalami kematian; dan apabila mereka sudah menjadi arang, maka baru diizinkan beroleh syafaat.*

(Muslim)

Penyebutan ayat 'turunlah' sebanyak dua kali menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/237) adalah pengukuhan sahaja daripada ayat pertama kepada yang kedua sebagaimana seseorang berkata kepada seseorang yang lain untuk mengukuhkan suruhan, "Berdirilah! Berdirilah!"

## PENGAJARAN AYAT

Ayat *al-Baqarah* (2: 34-39) merupakan kisah Adam AS sejak diciptakan sehinggalah baginda diturunkan ke dunia bagi memenuhi tujuan sebenar Baginda dijadikan (Jasmi, 2018a). Semua ayat ini boleh dijadikan pengajaran kepada umat manusia sama Muslim atau non Muslim, iaitu mengutamakan perintah Allah SWT berbanding aspek lain; Allah SWT berkuasa memuliakan sesiapa yang dikehendaki; bongkak, takbur, dan dengki adalah sifat kebinasaan; menghormati seseorang yang diberikan penghormatan oleh Allah SWT; Adam AS merupakan Nabi dan Rasul; cara bertaubat terhadap dosa; dan pengajaran lain daripada tafsiran ayat.

### Mengutamakan Perintah Allah SWT Berbanding Aspek Lain

Umat manusia sama ada Muslim atau non Muslim perlu mengambil pengajaran daripada kisah ini bahawa aspek perintah Allah SWT adalah perkara terpenting daripada lain-lain faktor untuk ditaati (Surah *al-Kahfi*, 18: 50).

Hal ini sebagaimana yang berlaku kepada malaikat dan Iblis. Malaikat melihat perintah Allah SWT adalah terpenting untuk ditaati berbanding aspek jenis penciptaan mereka yang lebih baik daripada manusia yang dicipta daripada tanah berbanding mereka yang dicipta daripada cahaya. Sedangkan syaitan pula gagal untuk memahami bahawa perintah Allah SWT adalah lebih utama ditaati daripada melihat jenis penciptaannya berbanding Adam AS (al-Baqarah, 2: 34; *al-Hijr*, 15: 30-31).

Oleh itu, apa sahaja perintah Allah SWT kepada umat manusia merupakan perintah yang lebih selamat untuk ditaati daripada berfikir tentang aspek lain yang akal berfikir bahawa perkara tersebut apakah perintah Allah SWT itu wajar diikuti atau tidak?

### **Allah SWT Berkuasa Memuliakan Sesiapa yang Dikehendaki**

Umat Manusia sama ada Muslim atau non Muslim perlu mengambil pengajaran bahawa Allah SWT merupakan Tuhan yang kuasa-Nya bersifat mutlak dan tidak terbatas. Sedangkan para makhluknya adalah hasil ciptaan-Nya yang tidak mempunyai sebarai kuasa untuk melawan Allah SWT.

Allah SWT berkuasa untuk menaikkan Iblis menjadi ketua kepada para malaikat-Nya (Ibn al-Kathir, 1999: 1/230) ketika sebelum Adam AS diciptakan dan Dia juga berkuasa dengan sekelop mata menghinakan kedudukan Iblis sebagai makhluk terlaknat dan disisihkan daripada rahmat-Nya selepas penciptaan Adam AS (Ibn Jarir, 2001: 1/482).

Oleh itu, umat manusia perlu sedar bahawa diri mereka adalah hanya makhluk Tuhan yang langsung tidak memberi bekas kepada Allah SWT sekiranya mereka derhaka kepada-Nya atau tidak. Hal ini demikian kerana Allah SWT tidak memerlukan makhluk untuk membuktikan kemuliaan dan kekuasaan-Nya kerana Allah SWT sememangnya sentiasa dalam keadaan Sangat Mulia dan Sangat Berkuasa. Sebaliknya, makhluk pula yang sangat bergantung kepada Allah SWT untuk mereka berada dalam keadaan mulia atau tidak. Sekiranya mereka dimurkai oleh Allah SWT, maka mereka akan terhina dan tersingkir. Sebaliknya pula, sekiranya Allah SWT gembira dan kasih kepada-Nya, maka dia menjadi mulia dan terselamat.

### **Bongkak, Takbur, dan Dengki adalah Sifat Kebiasaan**

Kisah Iblis dengan sifat takbur, bongkak, dan dengki merupakan satu pengajaran terpenting kepada umat manusia. Sifat ini yang menghalang seseorang mendapat pertunjuk Ilahi untuk terus berada dalam hidayah pertunjuk pada jalan yang lurus (al-Baqarah, 2: 34). Hal ini disebabkan sifat bongkak dan takbur dalam kalangan makhluk merupakan sifat yang menjadi halangan seseorang untuk masuk ke syurga (Al-Tabrani, 1984: 745; Al-Bazzar, 2009: 1584; Ibn Hibban, 1998: 224; Ibn Abi 'Asim, 1991: 2821). Bahkan sekiranya seseorang yang sudah berada dalam pertunjuk yang tertinggi sekalipun seperti Iblis yang memiliki pengetahuan yang tertinggi (Al-Bayhaqi, 2003: 144), maka tetap boleh menjadi binasa disebabkan sifat ini (Surah *Hud*, 11: 43).

Selain bongkak dan takbur, dengki juga merupakan satu sifat yang membinasakan kepada para makhluk. Setiap makhluk dijadikan tidak sempurna pada semua perkara. Selain itu, sekiranya seseorang ada kelebihan, maka dia juga ada kekurangan daripada segi lain. Iblis dengki dengan kemuliaan yang diberikan oleh Allah SWT kepada Adam AS dan zuriatnya sebagai makhluk yang menggantikan golongan Iblis dan malaikat untuk memakmurkan bumi ini. Selain itu, Adam AS merupakan makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT dengan lebih teliti (Surah *al-Rahman*, 55: 14) sendiri berbanding dengan penciptaan yang lain dalam bentuk '*kun fayakun*' (Ibn Jarir, 2001: 1/482). Hal ini sehinggakan Adam AS dan zuriatnya menjadi ciptaan Allah SWT yang terbaik (al-Tin, 95: 3), selain penciptaan Adam AS pula dalam perancangan Allah SWT yang rapi (Jasmi, 2018a).

Itulah sebabnya ketika penciptaan Adam AS, Iblis selalu datang dan melihat Adam yang masih lagi dalam bentuk yang keras seperti tembikar (Surah *al-Rahman*, 55: 14).

Ketika ziarah ini Iblis selalu mempersoalkan untuk apa Adam AS ingin diciptakan dan mengapa Allah SWT ingin menggantikan Adam AS berbanding golongan mereka yang diciptakan daripada api? Kedengkian Iblis semakin membara apabila Iblis disingkirkan daripada rahmat Allah SWT dan tempatnya digantikan oleh Adam AS di dalam syurga (Surah al-Baqarah, 2: 35-36; Surah *Hud*, 11: 43; Ibn al-Kathir, 1999: 1/232).

Oleh yang demikian, umat manusia wajar menjauhi sifat dengki Iblis ini serta tidak cemburu untuk mengiktiraf kedudukan dan kemuliaan yang diberikan oleh Allah SWT kepada seseorang. Namun, mereka masih boleh berlumba-lumba untuk mendapat kemuliaan yang sama tanpa berharap kemuliaan orang tersebut tidak hilang.

### **Menghormati Seseorang yang Diberikan Penghormatan oleh Allah SWT**

Umat manusia seharusnya mengambil pengajaran daripada kisab perintah Allah SWT untuk tunduk hormat para malaikat dan Iblis kepada Adam AS (al-Baqarah 2: 34) bahawa kemuliaan yang diberikan oleh Allah SWT kepada seseorang sama ada berupa pilihan seperti para Nabi, Rasul (Surah Yusuf, 12: 100), para sahabat, tabiin; kesolehan; ketinggian ilmu agama; kedudukan sebagai ketua masyarakat, dan jawatan seharusnya diiktiraf dengan hati yang ikhlas dan ditunjukkan dengan tindakan.

Hal ini memandangkan bahawa yang memberikan kedudukan itu adalah Allah SWT kepada para hamba-Nya yang sudah tentu mengetahui apa yang terbaik buat para hamba-Nya kerana Allah SWT merupakan Pencipta kepada semua makhluknya. Oleh kerana itu, Imam Al-Nawawi (1998) sendiri menjelaskan bahawa seseorang jangan sampai bermusuhan dengan orang yang soleh, orang yang berilmu khususnya ilmu agama yang tinggi, serta orang yang diberikan kehormatan dalam kalangan ahli masyarakat sama ada orang terdahulu atau orang yang semasa.

Khususnya orang yang soleh dan orang diberikan pengetahuan agama yang tinggi merupakan golongan dihormati oleh Allah SWT bukan sahaja di dunia bahkan di alam akhirat. Sedangkan orang yang diberikan penghormatan dalam kalangan masyarakat, Imam al-Nawawi menjelaskan bahawa mereka wajar diberikan penghormatan yang selayaknya sebagai mana masyarakat memberikan mereka penghormatan.

### **Adam AS merupakan Nabi dan Rasul**

Salah satu ciri seseorang itu terpilih sebagai Nabi dan Rasul ialah dia mampu untuk berkomunikasi sama ada secara terus atau melalui perutusan para malaikat. Oleh itu, Adam AS merupakan Nabi dan Rasul kerana di pernah berkomunikasi secara berdepan dengan Allah SWT (Al-Tabrani, 1995: 4259).

Apabila seseorang mendapat gelaran Nabi dan Rasul Allah SWT, maka dia juga tergolong dalam golongan orang yang maksum, iaitu terpelihara daripada melakukan dosa. Pada hakikatnya, Adam memakan buah larangan merupakan sesuatu yang sudah dirancang dan ditakdirkan kepada baginda untuk menjadi sebab Baginda diturunkan ke bumi untuk memenuhi tujuan penciptaannya, iaitu sebagai khalifah Allah SWT di bumi (Al-Darimi, 1995: 277; Al-Firyabi, 1997: 121; Al-Ajurriyy, 1999: 322; Al-Asbahani, 1988: 5/1549). Perlakuan Adam AS bertaubat adalah kerana beliau sendiri merasa malu kerana melanggar larangan Allah SWT daripada memakan pokok larangan di dalam syurga (Al-Tabrani, 1984: 2668; Al-Asbahani, 1988: 5/1558, 1559; Al-Hakim, 1990: 3038; Al-Bayhaqi, 1986: 175). Allah SWT mengajar Adam AS bertaubat dan taubatnya diterima bagi menunjukkan cara kepada zuriat Baginda dan umat manusia serta umat Islam kini bagaimana untuk bertaubat kepada Allah SWT dengan cara taubat yang sempurna (al-Baqarah, 2: 37).

### **Cara Bertaubat Terhadap Dosa**

Adam AS diajarkan oleh Allah SWT cara bertaubat yang betul supaya boleh dijadikan contoh teladan untuk zuriat baginda secara umum dan umat Muhammad SAW secara khususnya. Cara taubat tersebut ialah dengan mengaku tentang kesalahan yang sudah dilakukan (Al-Bayhaqi, 2003: 6774). Seterusnya bertaubat terhadap kesalahan yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Kemudian diikuti dengan melakukan kebajikan bagi membuktikan kesungguhan taubat tersebut (al-Furqan, 25: 71). Akhir sekali menyakini bahawa Allah SWT Maha Penerima taubat para hamba-Nya (al-Baqarah, 2: 37; *al-Tawbah*, 9: 104; *al-Nisa*, 4: 110).

### **Utusan dan Kitab Sebagai Pertunjuk kepada Umat Manusia**

Allah SWT juga memberi pesan buat umat manusia sama ada Muslim atau non Muslim bahawa dia akan sentiasa mengirinkan Nabi dan Rasul serta kitab untuk membantu manusia tentang kebenaran dan memberi pertunjuk kepada mereka. Oleh itu, wajar bagi umat manusia untuk mengikuti jalan pertunjuk tersebut supaya kehidupan apa yang dijanjikan dengan kesudahan yang baik serta janji untuk dikembalikan ke syurga dapat direalisasikan semula (Surah *al-Baqarah*, 2: 38; Surah *Taha*, 20: 123; Surah *Taha*, 20: 124).

Sebaliknya pula sekiranya umat manusia sendiri sudah memilih jalan kesesatan dan tidak mahu mengikut jalan pertunjuk yang diturunkan, maka Allah SWT tidak lagi boleh dipersalahkan sekiranya janjinya kepada kesudahan yang buruk untuk ditempatkan mereka yang kufur itu ke dalam Neraka buat selama-lamanya (Surah *al-Baqarah*, 2: 39).

### **Pengajaran Lain daripada Tafsiran Ayat**

Lain-lain pengajaran yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran ini ialah sifat manusia yang terburu-buru; perkara ajaib bukan lambang seseorang dekat kepada Allah SWT; dan adab bersin.

### ***Sifat Manusia yang Terburu-buru***

Kisah penciptaan Adam AS yang ditiupkan roh dan ingin bangun dan bangkit untuk berdiri ketika rohnya baru sampai ke pusat melambangkan sifat manusia yang terburu-buru (Surah *al-Isra*, 17: 11). Sifat terburu-buru ini selalu berlaku kepada manusia yang diuji dengan kesusahan, kesukaran, dan kedukaan, maka mereka akan mudah marah dan sukar untuk bersabar. Oleh kerana itu, manusia wajar mengenali penciptaan diri mereka yang berifat terburu-buru untuk mereka mampu belajar agar lebih bersabar dalam setiap ujian yang menimpa dan bertoleransi dalam setiap tindakan dalam rangka hubungan mereka dengan sesama manusia.

### ***Adab Bersin***

Kisah penciptaan Adam AS juga mengajar umat Islam untuk saling beradab antara satu sama lain ketika seseorang Muslim itu bersin. Berdasarkan kisah Adam AS ketika Baginda bersin, beliau mengucapkan '*al-Hamdulillahi Rabb al-'alamin*' (Surah *al-Fatihah*, 1: 2), lalu Allah SWT sendiri menjawab, "*Yarhamkallah Ya Adam!*" (يَرْحَمُكَ اللَّهُ يَا آدَمَ). Ucapan ini menjadi sesuatu yang disyariatkan dalam Islam dalam kalangan umat Islam sebagai maksud hadis (Al-Bukhari, 2001: 6224):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " إِذَا عَطَسَ أَحَدُكُمْ فَلْيَقُلْ: الْحَمْدُ لِلَّهِ،  
وَلْيَقُلْ لَهُ أَخُوهُ أَوْ صَاحِبُهُ: يَرْحَمُكَ اللَّهُ، فَإِذَا قَالَ لَهُ: يَرْحَمُكَ اللَّهُ، فَلْيَقُلْ: يَهْدِيكُمْ  
اللَّهُ وَيُصْلِحْ بِأَلْسِنَتِكُمْ "

Maksud: *Abu Hurairah RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Apabila seseorang kamu bersin, maka hendaklah dia mengucapkan, "Al-Hamdulillah." Maka saudara atau sahabat yang berada di sisinya menjawab, "Yarhamkallah! (يَرْحَمُكَ اللَّهُ)." Sebaik sahaja orang yang bersin berkata, "Yarhamkallah! (يَرْحَمُكَ اللَّهُ)." Maka dia wajar berdoa untuk sahabatnya:*

يَهْدِيكُمْ اللَّهُ وَيُصْلِحْ بِأَلْسِنَتِكُمْ

*Erti: "Semoga Allah memberi hidayah kepada kamu dan memperbaiki keadaan kamu."*

(Muslim)

Oleh kerana itu, umat Islam amat digalakan untuk saling berdoa antara satu sama lain ketika bersin bagi mencontohi doa Allah SWT kepada Adam AS ketika era penciptaannya.

### ***Penciptaan Hawa untuk Pasangan Adam AS***

Hawa diciptakan oleh Allah SWT daripada tulang rusuk Adam AS (al-Baqarah 2: 35-36) sebagai pasangan untuk kedua-duanya saling dapat bersenang-senang dan dapat menumpahkan kasih sayang. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh hadis (Al-Bukhari, 2001: 3331; Muslim, t.th.: 1468):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، فَإِذَا شَهِدَ  
أَمْرًا فَلْيَتَكَلَّمْ بِخَيْرٍ أَوْ لِيَسْكُتْ، وَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلْعٍ،  
وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الضِّلْعِ أَعْلَاهُ، إِنْ ذَهَبَتْ تُقِيمُهُ كَسَرْتَهُ، وَإِنْ تَرَكْتَهُ لَمْ يَزَلْ  
أَعْوَجَ، اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا»

Maksud: *Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Sesiapa yang beriman dengan Allah SWT dan hari Akhirat, maka apa menyaksikan sesuatu perkara, hendaklah dia berkata yang baik-baik atau diam sahaja. Nasihatilah para wanita kerana wanita diciptakan daripada tulang rusuk yang bengkok dan yang paling bengkok daripada tulang rusuk itu adalah pangkalnya, jika kamu cuba untuk meluruskannya maka ia akan patah, namun bilamana kamu biarkan ia maka ia akan tetap bengkok, untuk itu, nasihatilah para wanita".*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Manakala tujuan penciptaan Hawa untuk kedua-dua pasangan saling bersenang-senang, bergembira dan menumpahkan kasih sayang pula dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ  
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksud: *Dan antara tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. (21)*

(Surah al-Rum, 30: 21)

Oleh itu, sewajarnya umat manusia sentiasa melihat bahawa Allah SWT sememangnya Pencipta yang sangat mengetahui apakah keperluan yang diperlukan oleh manusia dalam kehidupan dan apakah bentuk kebahagiaan yang diperlukan dalam hidup dalam rangka mereka untuk sujud bersyukur dan beribadah kepada-Nya.

### ***Perkara Ajaib Bukan Lambang Seseorang Dekat kepada Allah SWT***

Terdapat juga pengajaran yang lain yang boleh dijadikan pedoman kepada umat manusia bahawa perkara ajaib yang datang daripada manusia bukanlah lambang kedudukannya sebagai orang yang dekat dengan Allah SWT.

Neraca al-Quran dan hadis wajar dijadikan ukuran penting seseorang itu benar atau tidak sekalipun mereka mampu melakukan perkara yang ajaib (Ibn al-Kathir, 1999: 1/232). Hal ini demikian kerana perkara ajaib mungkin boleh datang daripada kekeramatan seseorang hasil daripada iman dan amal solehnya kepada Allah SWT bahkan boleh datang juga daripada seseorang yang sangat kufur kepada-Nya.

Sekiranya, terdapat bukti bahawa seseorang itu ada melanggar perintah Allah SWT dan mampu melakukan perkara yang ajaib, maka kemungkinan besar, keajaiban itu datang daripada seseorang yang semakin menyesatkan orang ramai daripada jalan kebenaran. Oleh itu, orang sebegini seharusnya dijauhi daripada dipercayai dan didekati, serta dijadikan ikutan.

Semoga semua umat manusia dapat mengambil pengajaran daripada tafsiran ayat ini untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan umat manusia. Wassalam.

## **RUJUKAN**

- Al-Ajurriyy, Muhammad. 1999. *Al-Shari'ah*. 'Abdullah bin 'Umar bin Sulayman Al-Damiji (Ed.). Al-Riyad: Dar al-Watan.
- Al-Asbahani, 'Abdullah. 1988. *Al-'Azamah*. Ridallah bin Muhammad Idris Al-Mabarkafuri (Ed.). Jld. 1-5. Riyad: Dar al-'Asamah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 1986. *Al-Bi'th wa al-Nushur li al-Bayhaqi*. 'Amir Ahmad Haydar (Ed.). Jld. 1. Beirut: Markaz al-Khidmat wa al-Abhath al-Thaqafiyah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2003. *Sha'b al-Iman*. 'Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid (Ed.). Jld. 1-14. Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Bazzar, Ahmad. 2009. *Musnad al-Bazzar*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq (Ed.). Jld. 1-18. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Darimi, Abu Muhammad Abdullah. 1995. *Al-Radd 'ala al-Juhaymah*. Badr bin 'Abdullah al-Badr (Ed.). Jld. 1. Al-Kuwayt: Dar Ibn al-Athir.
- Al-Firyabi, Abu Bakr Ja'far. 1997. *Kitab al-Qadr*. 'Abdullah Hamd al-Mansur (Ed.). Al-Sa'udiyah: Adwa' al-Salaf.
- Al-Hakim, Abu 'Abdullah Muhammad. 1990. *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn li al-Hakim*. Mustafa 'Abd al-Qadir Al-'Ata (Ed.). Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Marwazi, Muhammad. 1986. *Ta'zim Qadr al-Solah*. 'Abd Al-Rahman 'Abd Al-Jabbar Al-Fariwa'i (Ed.). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabat al-Dar.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. 1998. *Riyad al-Salihin*. Shu'aib Al-Arna'ut (Ed.). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.

- Al-Shashi, Abu Sa' id al-Haytham. 1989. *Al-Musnad li al-Shashi*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah (Ed.). Jld. 1-2. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al- 'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1984. *Musnad al-Shamayyin*. Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-4. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1995. *Al-Mu'jam al-Ausat*. 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad (Ed.). Jld. 1-10. Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi 'Asim, Abu Bakr. 1991. *Al-Ahad wa al-Mathani*. Basam Faysal Ahmad al-Jawabirah (Ed.). Jld. 1-6. Al-Riyad: Dar al-Rayat.
- Ibn Abi al-Dunya, 'Abdullah. 1996. *Al-'Uqubat*. Muhammad Khair Ramadan Yusuf (Ed.). Jld. 1. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn al-Sawaf, Muhammad. 2004. *Al-Thani min Ajza' Ibn al-Sawaf*. T.T.P: Barnamij Jawami' al-Kalam al-Majani al-Tabi'i li Mawqi' al-Sibkah al-Islamiyah.
- Ibn Hibban, Muhammad. 1998. *Al-Ihsan fi Taqrib Sahih ibn Hibban*. Shu'aib Al-Arna'ut (Ed.). Jld. 1-18. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Keutamaan Adam dan Zuriatnya Sebagai Khalifah: Al-Baqarah (2: 30-33)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 27hb. September 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Perseteruan Iblis Terhadap Manusia: Al-Baqarah (2: 34-39)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 25hb. September 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.